

An illustration of an iceberg floating in the ocean. The tip of the iceberg is visible above the water line, while the much larger, submerged part of the iceberg is visible below the water line. The submerged part is depicted with a complex, branching structure resembling a coral reef or a large, intricate root system. The water is a deep blue, and the sky is a lighter blue with some clouds. The text 'UDANG SEBALIK BATU' is overlaid on the image, with 'UDANG' and 'SEBALIK' in white and 'BATU' in a large, bold, white font.

UDANG SEBALIK BATU

Orang melihat saham sen seperti peluang pelaburan yang murah, tetapi janji kemunculan "White Knight" untuk menyelamatkan syarikat mampu mengubah pelaburan kecil itu menjadi pertaruhan yang mahal.

PERANGKAP SAHAM SEN

Apabila Pelaburan Menjadi Perjudian

Pada bulan lalu, dalam jamuan ringan sebuah AGM di Kuala Lumpur, kami menyaksikan kehebatan pemikiran analitikal seorang pelabur dan bagaimana beliau boleh hilang pertimbangan sewaktu menikmati sepiring karipap.

Dalam sesi rasmi, En. Tan (bukan nama sebenar) memang cukup mengagumkan. Berdiri di hadapan mikrofon dengan gaya seorang juruaudit forensik, beliau boleh memetik Nota 28 tanpa perlu merujuk laporan, mempersoalkan kenaikan luar biasa sebanyak 34% dalam pelarasan penurunan nilai inventori, malah mengupas penukaran aliran tunai bebas untuk empat suku tahun terakhir.

Kemudian tiba waktu rehat serta menikmati jamuan ringan. En. Tan menghampiri meja bufet, berbasa basi sebelum bertanya dengan selamba, “Antara kita-kita saja, bagaimanakah saya boleh mengesan saham sen, katakan harganya 3 sen, betul-betul sebelum White Knight (syarikat penyelamat) datang dan melonjakkan harganya sehingga RM3?”

Kami memandang beliau dengan penuh tanda tanya. Namun, beliau sudah pun mempunyai rasionalnya sendiri. “Cuba fikir begini. Kalaulah saya beli 10,000 unit saham pada harga 3 sen, kosnya cuma RM300. Kalau nasib tak baik, saya rugi RM300, seperti harga makan malam biasa saja. Tetapi kalau berhasil, RM300 tu boleh bertukar jadi RM30,000”.

Kami terus lontarkan dua soalan untuk mengembalikannya ke alam nyata. “Dalam tempoh 10 tahun di Bursa Malaysia, berapa banyak saham “zombie” pada harga 3 sen yang benar-benar berjaya melonjak ke RM3? Berapa kali pula beliau pernah berhenti setakat rugi “cuma” RM300?”. En. Tan terdiam seribu bahasa sambil memandang karipap yang tinggal separuh di tangannya.

Matematik Di Sebalik “Cuma RM300”

Cara berfikir “alah, cuma RM300” mungkin merupakan antara perangkat terbesar dalam pasaran saham. Kita selalu mendengarnya. Sekali imbas, ia kedengaran munasabah. Kita mempertaruhkan sejumlah kecil wang, sedangkan potensi keuntungannya kelihatan sangat besar. Masalahnya, apabila kita melihat lebih daripada sekadar harga sesaham, kita akan sedar bahawa kebarangkaliannya tidaklah sehebat yang disangka.

Cuba lihat apa yang berlaku pada harga 3 sen. Penurunan hanya setengah sen, daripada 3 sen kepada 2.5 sen, sudah menghapuskan hampir 17% modal anda dalam sekelip mata. Kemudian, cuba jual saham tersebut apabila terdapat barisan pesanan sebanyak 80 juta saham pada harga bida yang sama. RM300 anda bukan lagi wang yang mudah dicairkan malah sudah keras seperti konkrit.

Lebih penting lagi, bukan anda seorang yang membuat kira-kira sebegitu dalam kepala. Apabila terdapat 10,000 pelabur runcit dan masing-masing membuat keputusan untuk melabur “cuma RM300”, ia mewujudkan permintaan tunai sebenar sebanyak RM3 juta. Itulah dia kumpulan pembeli yang diperlukan oleh pihak tertentu untuk menjual berjuta-juta saham baharu yang hampir tiada nilai yang diperoleh melalui penempatan pada harga yang amat rendah.

Lagipun, hampir tiada siapa berhenti setakat RM300. Kami sudah melihat corak ini berlaku berulang kali. Jika harga saham naik daripada 3 sen kepada 4 sen, perasaan tamak mula berbisik, “Kau sepatutnya melabur RM30,000 dari awal lagi”. Kalau harganya jatuh kepada 2 sen pula, perasaan ego mendorong anda untuk *average down* (beli lebih banyak unit) kerana kononnya saham itu “terlalu murah untuk dilepaskan”. Tidak lama kemudian, pertaruhan kecil sebanyak RM300 tadi berubah menjadi wang tebusan sebanyak RM30,000 dalam sebuah syarikat yang semakin hampir menuju status PN17.

Permainan “White Knight”

Kisah “White Knight” di Bursa Malaysia lazimnya mengikut skrip yang hampir sama. Ia bermula dengan sebuah syarikat yang sahamnya sudah tinggal nyawa-nyawa ikan, operasi bermasalah dan tiada pendapatan yang meyakinkan. Tiba-tiba, muncul pengumuman mengenai Memorandum Persefahaman (MOU) dengan seorang “taikun terkemuka” atau konsortium asing. Pelabur runcit pun mula berpusu-pusu masuk, sambil meyakinkan diri bahawa mereka sedang membeli saham itu pada peringkat awal sebelum berlaku pemulihan.

Orang sering terlupa, MOU sebenarnya tidak membawa makna dari sudut komitmen kewangan. Ia sekadar menunjukkan adanya minat atau hasrat untuk berunding dan bukannya perjanjian yang mengikat. Tiada pihak yang diwajibkan mengeluarkan walau satu sen pun. Beberapa bulan kemudian, apabila hype sudah reda, muncul pula pengumuman ringkas yang menyatakan bahawa MOU tersebut telah pun luput. Pada ketika itu, pihak yang mencetuskan dan menguar-uarkan cerita berkenaan mungkin sudah lama keluar dengan keuntungan mereka.

Bahkan, sekalipun sesuatu urusan niaga itu benar-benar terlaksana, ia jarang sekali merupakan misi menyelamatkan syarikat seperti yang dibayangkan oleh pelabur runcit. Pelabur baharu biasanya melihat syarikat tersenarai itu sebagai sebuah “shell” atau entiti sedia ada yang boleh digunakan untuk memasuki pasaran tanpa melalui proses IPO secara tradisional. Syarikat itu kemudiannya mungkin menerbitkan berbilion-bilion saham baharu melalui penempatan persendirian, terbitan hak dan ICPS bagi melangsaikan hutang lama dan memasukkan aset baharu.

Akibatnya, pegangan asal anda dicairkan sehingga hampir tiada nilai. Katakan harga saham naik daripada 3 sen kepada 30 sen. Itu tidak semestinya menjadikan anda kaya kerana syarikat terpaksa menerbitkan satu bilion saham baharu untuk mencapai kedudukan tersebut. Harga sesaham mungkin kelihatan jauh lebih tinggi buat seketika,

tetapi bahagian pemilikan sebenar anda dalam syarikat telah pun lebur begitu sahaja di sepanjang proses tersebut.

Kembali Kepada Realiti

Apabila menilai prospek pemulihan saham sen, usah terlalu terpengaruh dengan harga saham yang rendah. Fokus kepada struktur urus niaga. MOU hanya menunjukkan bahawa perbincangan sedang berlangsung. Ia tidak bermakna modal sudah tersedia atau komitmen kewangan telah dibuat. Ujian sebenar ialah sama ada terdapat perjanjian yang mengikat serta kelulusan daripada pihak berkuasa.

Mungkin inilah cara untuk mengenal pasti pemulihan yang benar-benar tulen kerana syarikat besar pun tidaklah sekebal mana. Jika pemberi pinjaman dan pemegang saham utama tidak perlu menanggung kerugian atau mengurangkan tuntutan dengan ketara, itu bukanlah perkongsian beban. Apabila sesuatu tindakan “menyelamat” bergantung kepada usaha memerah wang baharu daripada pelabur runcit biasa, pada masa yang sama meningkatkan jumlah saham daripada beberapa ratus juta kepada satu bilion, anda sebenarnya bukan sebahagian daripada kisah kebangkitan sebuah syarikat tetapi sedang menggunakan duit sendiri untuk menyelesaikan masalah orang lain.

Kesimpulannya

Membina kekayaan melalui pasaran modal jarang sekali sesuatu yang mengujakan. Ia datang daripada pendapatan yang konsisten, pengurusan aliran tunai yang berdisiplin serta tadbir urus korporat yang baik. Itulah persoalan yang sama yang dilontarkan oleh Mr Tan kepada lembaga pengarah sebelum fikirannya diganggu oleh desas desus sensasi sewaktu menikmati karpap dalam sesi jamuan ringan.

Mengejar “White Knight” yang spekulatif dengan wang kecil bukanlah cara untuk melabur secara murah. Ia ibarat membayar yuran pengajian kepada pasaran, dan biasanya, yuran pengajarannya jauh lebih mahal daripada RM300 yang dipertaruhkan.

[TAMAT]

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

4 CPD HOURS
WEBINAR SESSION

GOVERNANCE THAT EARNS TRUST

WORKING WITH MCCG

27 AUGUST 2026
THURSDAY

9.00 AM - 1.00 PM

MICROSOFT TEAMS

Scan the QR Code for more details

@MSWGMalaysia mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

16 CPD HOURS
IN-PERSON SESSION

ENTERPRISE RISK MANAGEMENT (ERM)

Building Organisational Resilience through Structured Risk Oversight

21 & 22 SEPTEMBER 2026
MONDAY & TUESDAY

9.00 AM - 5.00 PM

THE MAJESTIC HOTEL, KUALA LUMPUR

Scan the QR Code for more details

@MSWGMalaysia mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

8 CPD HOURS
IN-PERSON SESSION

AML/CFT GOVERNANCE AND BOARD OVERSIGHT

Understanding Risk, Regulatory Expectations, and Leadership Accountability

24 SEPTEMBER 2026
THURSDAY

9.00 AM - 5.00 PM

AICB CENTRE OF EXCELLENCE, KUALA LUMPUR

Scan the QR Code for more details

@MSWGMalaysia mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

SUPPORTING BODY

The Institute of Internal Auditors Malaysia

IIAMNC 2026

NATIONAL CONFERENCE

DESIGN Resilience
BUILD Trust
LEAD the Future

21 & 22 SEPTEMBER 2026 | KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

maicsa | **CGI** | **MSWG**

Supporting Partner: **MSWG**

CGI GLOBAL GOVERNANCE SUMMIT 2026

Organised in conjunction with the MAICSA Annual Conference

KLICC CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
22 & 23 SEPTEMBER 2026

»»» "Governance, Sustainability & Value Creation" «««

18 CPD HOURS (Physical)
16 CPD HOURS (Virtual)

www.maicsa.org.my
www.cgiglobal.org

@MAICSA
conference@maicsa.org.my

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.